



**KERATAN AKHBAR**  
**12 Oct2021 (Tuesday)**

**Berita Harian**

Penduduk buat persiapan simpan air

1

**Utusan Malaysia**

Penduduk minta Air Selangor sediakan pili awam

2

Telaga Rakyat mampu tampung

3

Pupuk minat ilmu falak

4

**Harian Metro**

JKM, Perkeso, PZS turun membantu

5

**Kosmo**

RM80 juta bantu usahawan Selangor

6

Harungi 15km dapatkan air setiap kali gangguan

7

Semua berebut beli tong simpan air

8

**Sinar Harian**

'Asing Sampah, Menang DuiT'

9

Ceroboh hutan untuk bertani, menternak, bina rumah

10

Amaran JPNS kepada petualang

11

Ceroboh hutan ketika PKP

12

Mula ceroboh kecil-kecilan

13

**Selangor TV**

Harap Peruntukan Hijrah Dikekalkan, Mampu Bawa Pulangan Ekonomi Negeri - Exco

14

**TV3**

Rancakkan Semula Ekonomi, Tumpu Keperluan Rakyat

15

**The Star**

Better prepared for dry taps

16

Councillor wants MBPJ to address pollution at crematorium

17

Council's efforts to spruce up Kepong's illegal dumping spot in vain

18

MBSA MATTERS

19

Shah Alam to have its first rooftop urban farming facility

20

**New Straits Times**

Eateries upset about disruption, but are prepared for it

21

KLANG VALLEY RESIDENTS READY TO FACE WATER CUT

22

**TV3**

Focus On Efforts To Revitalise Economy, Channel Aid

23

**China Press**

No mixed session for Selangor's 2022 Budget

24

**Sin Chew Daily**

Water rationing to begin for 998 areas in Selangor and KL; 105 water trucks ready to provide water

25

What do consumers need to know about regular maintenance of water assets?

26



**KERATAN AKHBAR**  
**12 October 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk buat persiapan simpan air
Muka Surat	:	24

# Penduduk buat persiapan simpan air

**Air Selangor diharap bantu sedia lori, pili awam sepanjang tempoh gangguan**

oleh Amirul Aiman Hamsuddin dan Nas Norziela Nashah  
ohnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Penduduk di Kampung Bestari Jaya, di sini, berharap lori bantuan bekalan air dan pili awam oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dapat disediakan sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual, bermula esok hingga 16 Oktober ini.

Kakitangan swasta Sharifah Bibi Karamdin, 52, berkata dia sekeluarga melakukan persediaan awal dengan menyimpan air secukupnya selepas menerima maklumat itu melalui aplikasi WhatsApp, dua hari lalu.

"Saya mengisi air ke dalam beberapa tong besar dan baldi

selain membeli air mineral dalam kuantiti yang banyak. Malah, pakaian juga dibasuh awal bagi mengelakkan ia bertimbun ketika ketidadaan air.

"Cara ini terpaksa dilakukan memandangkan tiada lori bantuan bekalan air atau pili awam di kawasan kami," katanya ketika ditemui, semalam.

Dia berkata, untuk mengambil air, dia dan penduduk terpaksa ke Stadium Tertutup Kuala Selangor atau pili awam stesen bas Tanjong Karang yang jaraknya kira-kira 30 kilometer.

Suri rumah, Raja Zainah Raja Abdul Hamid, 59, pula berkata dia hanya menggunakan botol air terpakai dan baldi untuk menyimpan bekalan air susulan tidak mempunyai tangki simpanan atau tong besar.

"Saya terpaksa berbuat begini kerana kurang berkemampuan, selain tidak mempunyai kenderaan untuk mengambil air di Stadium Tertutup Kuala Selangor atau pili awam stesen bas Tanjong Karang," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan sejumlah 998 kawasan sekitar Selangor akan mengalami gang-



Penduduk di Kampung Bestari Jaya mengambil inisiatif menyimpan air secukupnya sepanjang tempoh gangguan bekalan air.

(Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

guan bekalan air berjadual bermula pada 9 pagi esok hingga 16 Oktober.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman dilaporkan, ber-

kata gangguan disebabkan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) akan dihenti tugas untuk memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penambahan dan penyenggaran bekalan air pulih.

garaan aset-aset kritikal.

Beliau berkata, Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor adalah antara kawasan yang disenaraikan akan terjejas.

"Bekalan air akan diagihkan secara berperingkat kepada pengguna bermula pada jam 5 petang 14 Oktober selepas kerja-kerja penambahan dan penyenggaran disiapkan dan sistem pengagihan bekalan air kembali stabil," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) berharap Air Selangor dapat mengadakan perbincangan bersama-sama pihak berkaitan pengguna dan penduduk termasuk CASSA bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air secara serentak.

Presiden CASSA, Datuk Dr Jacob George, berkata permasalahan gangguan bekalan air di Lembah Klang dengan notis singkat menyusahkan banyak pihak walaupun kini penduduk mempunyai banyak pilihan seperti merentas sempadan semestara Air Selangor membalki pulih bekalan air.



## KERATAN AKHBAR

### 12 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk minta Air Selangor sediakan pili awam
Muka Surat	:	10

## Penduduk minta Air Selangor sediakan pili awam

**KUALA SELANGOR:** Penduduk Kampung Bestari Jaya di sini meminta Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. (Air Selangor) menyediakan lori tangki atau pili awam sepanjang tempoh gangguan bekalan air bermula esok.

Langkah itu dianggap perlu bagi memudahkan mereka yang terpaksa mengambil air sejauh kira-kira 15 kilometer (km) di Stadium Tertutup Kuala Selangor.

Lebih memeritkan, kawasan kampung itu juga antara lokasi paling lewat mengalami pemulihhan bekalan di daerah tersebut.

Penduduk, Sharifah Bibi Karardin, 52, berkata dia membuat pelbagai persiapan awal terutama menyimpan bekalan air yang mencukupi sejak semalam.

"Selain mengisi air ke beberapa tong besar dan baldi, saya membasuh pakaian dan meny-

ram pokok sebagai persediaan gangguan selama empat hari itu.

"Saya terpaksa berbuat demikian kerana ketiadaan lori tangki atau pili awam di kampung ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Justeru, kakitangan swasta itu berharap Air Selangor sekurang-kurangnya dapat menggerakkan kemudahan lori

tangki ke kawasan berkenaan.

Bagi suri rumah, Raja Zainah Raja Abdul Hamid, 59, dia terpaksa turut hanya menggunakan botol minuman untuk menyimpan bekalan air.

"Rumah saya sememangnya tidak mempunyai tangki simpanan dan tong besar kerana kurang berkemampuan.

"Selain baldi, saya hanya guna botol plastik minuman

untuk menadah air san mengharapkan gangguan bekalan itu segera pulih," ujar nenek kepada empat cucu itu.

Selain Kuala Selangor, sebanyak 998 kawasan di Lembah Klang di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Langat akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula bermula 13 hingga 16 Oktober ini.



## KERATAN AKHBAR

12 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Telaga Rakyat mampu tampung
Muka Surat	:	10

# Telaga Rakyat mampu tampung

**SHAH ALAM:** Penduduk di Kampung Batu 7, Jalan Kebun, Seksyen 30 di sini mengalukan orang ramai yang akan berdepan gangguan air bermula esok mendapatkan bekalan air pergi yang disediakan.

Terdapat sembilan buah pergi, tiga darinya baru digali tahun lepas digunakan penduduk tempatan sebagai bekalan air alternatif dan boleh menampung permintaan lebih 30,000 pengguna.

Pengerusi Persatuan Anak Jati Jalan Kebun, Yazid Muhidin mengalukan penduduk dari kawasan lain di negeri ini yang terjejas untuk mendapatkan bekalan air bersih dari pergi yang dinamakan Telaga Rakyat Anak Jati Jalan Kebun.

“Sebenarnya telaga ini dibina untuk mereka yang sering alami gangguan bekalan air bila-bila masa. Silalah ke mari ambil air untuk kegunaan keluarga. Siapa menduga masalah bekalan air ini kem-

bali sekali lagi. Jangan bimbang datanglah ke kampung ini.

“Terdapat tiga pergi baharu kita gali tahun lepas hasil kesepakatan penduduk apabila terdapat gangguan bekalan air akibat pemberhentian operasi Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang pada September 2020,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu *Utusan Malaysia* melaporkan sebanyak 998 kawasan di tujuh wilayah di Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor dijangka mengalami gangguan bekalan air berjadual selama empat hari bermula 13 Oktober.

Gangguan itu ekoran pelaksanaan kerja-kerja penambahan dan penyenggaraan aset kritikal yang akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).



PEKERJA sebuah kedai perkakasan meletakkan notis kehabisan tong air di Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor, semalam. Gangguan bekalan air di Shah Alam dijadual berlaku esok. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



## KERATAN AKHBAR

12 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pupuk minat ilmu falak
Muka Surat	:	26

Oleh AMREE AHMAD  
gayutusan@mediamulia.com.my

**M**UNGKIN tidak ramai umat Islam di Malaysia sedar bahawa Penyimpan Mohor Besar Majlis Raja-Raja, Tan Sri Syed Daniel Syed Ahmad muncul di televisyen sebanyak tiga kali setahun.

Selain pengumuman itu 1 Ramadan dan 1 Syawal, beliau yang menggantikan Allahyarham Tan Sri Engku Ibrahim Engku Ngah sejak 2012, juga muncul mengumumkan tarikh 1 Zulhijah.

Pengumuman itu membolehkan lebih 20 juta Muslim di negara ini meraikan Hari Raya Aidiladha. Namun lucunya, ramai lebih tertarik cuba meneka apa warna baju Melayu dipakai beliau!

Bagaimanapun di sebalik penampilan bersahaja Syed Daniel, barang kali ada kalangan kita tidak sedar peranan besar dilakukan pasukan yang berada di lokasi pencerapan anak bulan.

Proses rumit itu adalah antara sebahagian rutin tahunan pegawai Jabatan Mufti setiap negeri dibantu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) melibatkan 29 lokasi.

Malaysia antara beberapa negara di dunia yang praktik dua kaedah serentak penentuan tarikh Hijrah iaitu rukyah atau lazim disebut melihat anak bulan dan hisab atau kiraan falak syarieh.

Ia berbeza dengan negara jiran, Brunei hanya amal rukyah seperti kelaziman di negara Arab, manakala Singapura pula bergantung hisab 100 peratus seperti dilakukan di Eropah.

“Kesukaran proses cerapan wajima kena ada pegawai terlatih kemungkinan jadi faktor kaedah rukyah tidak popular di kebanyakan negara Islam,” kata Syed Kamarulzaman Syed Kabeer.

Yang Dipertua Persatuan Falak Syar'i Malaysia (PFSM) itu ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini turut memberitahu, bukan semua lokasi sesuai bagi pencerapan anak bulan.

Beliau memberi contoh Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di Pulau Pinang, bangunan tertinggi di utara Semenanjung dan ketujuh di Malaysia pun tidak sesuai untuk aktiviti cerap.

Sebaliknya, bekas jurutera kelahiran Pulau Mutiara itu merujuk Pusat Falak Sheikh Tahir di Pantai Aceh, Balik



SELAIN melihat anak bulan, Balai Cerap Baitul Hilal dan Bahagian Falak Jabatan Mufti Negeri Sembilan turut digunakan untuk melakukan cerapan meteor Perseids di Port Dickson. Ogos lalu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

## Pupuk minat ilmu falak



**Ada lokasi yang langsung tidak 'layak' untuk tengok anak bulan disebabkan pelbagai faktor antaranya sudut geografi dan astronomi."**

Pulau sebagai lokasi tunggal di Pulau Pinang yang sesuai bagi tujuan tersebut.

PFSM yang ditubuhkan sejak 1983 ujarnya, turut berperanan dalam penentuan lokasi cerap anak bulan bersama-sama Jupem memastikan proses itu ‘berbaloi’ tanpa membuang tenaga.

“Ada lokasi yang langsung tidak ‘layak’ untuk tengok anak bulan disebabkan pelbagai faktor antaranya sudut geografi dan astronomi, sekali gus kita elak basir masa dan wang,” jelasnya.

Misalnya kata Syed Kamarulzaman, bangunan tertinggi di Putrajaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setinggi 172 meter



SYED KAMARULZAMAN Syed Kabeer (kiri) dan seorang rakananya bergambar dengan teleskop berkuasa tinggi untuk pencerapan angkasa. - IHSAN PERSATUAN FALAK SYAR'I MALAYSIA

tidak pernah digunakan pun untuk pencerapan.

Iironi Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dipilih dan bukannya Mercu Tanda Putrajaya di Laman Putra Perdana yang dianggap titik paling tinggi di Wilayah Persekutuan ketiga itu.

Beliau juga merujuk usaha Kerajaan Negeri Johor pada 12 April lalu mahu membina

balai cerap termoden di rantau Asia Tenggara dikenali sebagai Pusat Astronomi Baitul Hilal di Pontian.

Lokasi di tepi pantai menghadap Selat Melaka itu kata Syed Kamarulzaman, memang ideal kerana ia satu-satunya tempat cerap anak bulan di Johor yang ada sejak negara merdeka lagi.

Begitu juga Kompleks

Baitul Hilal di Teluk Kemang, Negeri Sembilan yang dianggap contoh lokasi terbaik kerana merekodkan jumlah penampakan anak bulan paling banyak di Malaysia.

Dalam masa sama, beliau memuji usaha Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan membina balai cerap baharu di Labuan bagi menggantikan lokasi sedia ada setelah tertangguh enam tahun.

“Tempat sekarang di bumbung Menara Universiti Malaysia Sabah di Sungai Pagar bukan tidak sesuai tetapi ia lebih kepada keperluan fasiliti khusus untuk jangka masa panjang,” katanya.

Inisiatif berkenaan sudah pun dilaksanakan kerajaan negeri Selangor, Melaka, Terengganu dan Sabah yang kini berbangga ada balai cerap khas tersendiri serta berfungsi sepanjang tahun.

Balai itu ujar Syed Kamarulzaman, turut memupuk minat generasi muda kepada pengajaran sains falak selain tarikan pelancong bagi menghayati keindahan angkasa dan kebesaran Ilahi.

Kepentingan ilmu astronomi Islam itu katanya, wajar ‘direbut’ anak muda tempatan khasnya belia Muslim seperti era kegemilangan tamadun Islam dahulu gah menguasai bidang tersebut.



**KERATAN AKHBAR**  
**12 October 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	JKM, Perkeso, PZS turun membantu
Muka Surat	:	8

## *JKM, Perkeso, PZS turun membantu*

**Seri Kembangan:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memastikan lima beradik yatim piatu yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19 ini mendapat pembelaan dan pendidikan semurnia.

Penolong Pegawai Kebajikan, JKM Subang Jaya, Aznida Abdul Hamid berkata, pihaknya akan membantu hak penjagaan (Hadanah) kanak-kanak itu diserahkan kepada bapa saudara mereka, Mohd Ariff Hafizan Abdul Razak, 36, iaitu satu-satunya waris lelaki keluarga mereka.

Menurutnya, JKM akan mendapatkan perintah di mahkamah dalam masa terdekat selepas urusan dokumentasi selesai diadakan.

Katanya, pada masa sama JKM akan meneliti bentuk bantuan yang boleh disalurkan bagi membantu lima beradik ini sehingga berumur 18 tahun.

"Kes ini juga akan dirujuk kepada pakar kaunseling JKM bagi membantu perkembangan mereka kerana jarak kehilangan ibu bapa



AZNIDA (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan segera kepada lima kanak-kanak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa kerana Covid-19. - Gambar NSTP/SAMADI AHMAD

mereka sangat dekat. Ia dikhawatirkan akan mengganggu emosi mereka," katanya ketika menyampaikan bantuan segera JKM kepada lima anak yatim itu di sini, semalam.

Ibu lima kanak-kanak itu, Ida Haryanie, 38, meninggal dunia pada Khamis lalu manakala bapa mereka, Mohd Nasir Tahal, 46, meninggal dunia dua bulan lebih awal akibat Covid-19.

Sementara itu, Mohd Ariff

berkata, tiga anak saudaranya yang sebelum ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bandar Kinrara 2 akan ditukarkan sekolah di kawasan berdekatan bagi memudahkan urusan persekolahan mereka.

Menurutnya, sebelum ini wakil Pusat Zakat Selangor (PZS) sudah menghubungi beliau bagi menyalurkan bentuk bantuan yang sesuai kepada anak saudaranya.

Katanya, wakil Pertubu-

han Keselamatan Sosial (Perkeso) juga hadir menerimanya bagi urusan tuntutan khairat kematiian arwah kakaknya termasuk urusan pembayaran kepada waris kerana arwah sebelum ini pernah bertugas di Hospital Prince Court.

"Saya berharap dengan bantuan ini akan dapat membantu nasib lima anak saudara ini terutama membabitkan pendidikan mereka," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

### 12 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RM80 juta bantu usahawan Selangor
Muka Surat	:	16



RODZIAH (tengah) menyerahterahkan bantuan mesin pemerah susu kepada seorang penerima (kiri) di Bestari Jaya, Kuala Selangor semalam.

## RM80 juta bantu usahawan Selangor

**KUALA SELANGOR** – Kerajaan Selangor memperuntukkan RM80 juta bagi membantu usahawan yang mahu memulakan perniagaan ketika musim pandemik Covid-19 tahun ini.

Bantuan itu meliputi pelbagai jenis perniagaan terutama industri kecil dan sederhana (IKS), perkhidmatan, pembuatan dan mekanikal.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor, Rodziah Ismail berkata, bantuan mel-

puti modal dan peralatan itu bertujuan membantu usahawan mengembangkan lagi perniagaan masing-masing di negeri ini.

“Kita setakat ini sudah membantu 8,000 individu termasuk 2,000 usahawan menerusi Program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM).

“Bantuan keseluruhan berjumlah RM80 juta akan disalurkan sepenuhnya menjelang hujung tahun ini biarpun pelaksanaan itu tertangguh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan,” katanya selepas majlis penyerahan

Geran Peralatan SITHAM Yayasan Hijrah Selangor di Bestari Jaya di sini semalam.

Jelas Rodziah, kerajaan negeri turut meluluskan penambahan jumlah pinjaman maksimum kepada peserta Hijrah daripada RM50,000 kepada RM100,000.

“Pinjaman itu bagaimanapun hanya diberikan kepada 100 peminjam yang berpotensi dan berkelayakan.

“Kita hanya menyasarkan peminjam berpotensi untuk dibantu dengan kos keseluruhan berjumlah RM10 juta,” ujarnya.



**KERATAN AKHBAR**  
**12 October 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Harungi 15km dapatkan air setiap kali gangguan
Muka Surat	:	17

## Harungi 15km dapatkan air setiap kali gangguan

**KUALA SELANGOR** – Penduduk Kampung Bestari Jaya di sini mula menyimpan bekalan air termasuk di dalam tong besar sebagai persediaan berdepan masalah gangguan bekalan bermula esok.

Langkah itu susulan penduduk yang terpaksa ke Stadium Tertutup Kuala Selangor, kira-kira 15 kilometer (km) daripada penempatan setiap kali berlakunya gangguan air.

Seorang penduduk, Sharifah Bibi Karamdin, 52, berkata, ketidaaan lori tangki atau pili awam di kawasan tersebut amat memerlukan selain menjadikan antara lokasi paling lewat mengalami pemulihran bekalan di daerah tersebut.

"Setiap kali berlaku gangguan bekalan air cukup memenatkan bagi kami apabila mengharungi perjalanan sejauh 15km semata-mata untuk mengambil air.

"Penduduk kampung sememangnya berharap Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) agar dapat menyediakan lori tangki atau pili awam berhampiran," katanya di sini semalam.

Bagi suri rumah, Raja Zainah Raja Abdul Hamid, 59, berkata, dia menggunakan botol minuman untuk menyimpan bekalan air kerana kurang berkemampuan. "Selain baldi, saya hanya guna botol plastik dan berharap air segera pulih," jelasnya.



SHARIFAH BIBI menadah air ke dalam tong besar di rumahnya di Kampung Bestari Jaya, Kuala Selangor semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

### 12 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Semua berebut beli tong simpan air
Muka Surat	:	17



#### TONG SIMPAN AIR LICIN DIBORONG ORANG RAMAI »17

Peniaga tidak naikkan harga walaupun mendapat permintaan tinggi di sekitar Selangor

Sebanyak 998 kawasan di Lembah Klang alami gangguan bekalan bermula esok

## Semua berebut beli tong simpan air



PEKERJA kedai pembekal peralatan plastik meletak notis kehabisan stok bekalan pada tong simpanan air di Jalan Kebun, Shah Alam.  
- ZULFADHLI ZAKI

Oleh MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS

**SHAH ALAM** – Gangguan bekalan air selama empat hari di lebih 900 kawasan bermula esok menyebabkan orang ramai berpusu-pusu mendapatkan tong air bagi menyimpan bekalan untuk kegunaan harian.

Tinjauan Kosmo di beberapa buah kedai menjual kelengkapan rumah mendapati bekalan makin susut malah ada antara lokasi telah habis dibeli pengguna yang risau terpaksa berdepan situasi ketidadaan air lebih lama.

Biar pun berdepan permintaan tinggi, harga jualan tong berkenaan tidak menunjukkan peningkatan dan dijual antara RM50 hingga RM83 mengikut saiz.

Seorang pekerja kedai yang hanya mahu dikenali sebagai Indrawan berkata, tong air berkenaan laris sejak Kamis lalu sehingga membuatkan stok di kedainya semakin berkurangan.



KERATAN Kosmo / 2 Oktober 2021.

"Tadi ada pelanggan beli samai lima tong air dengan membawa sebuah pacuan empat ronda.

"Setakat ini, kedai saya tidak naikkan harga walaupun tong berkenaan laris dijual," katanya.

Menurutnya, rata-rata pelanggan meluahkan kerisauan takut gangguan bekalan air lebih lama daripada jangkaan awal.

Seorang pelanggan, Ismail Shukor, 38, memberitahu, dia membeli tiga tong untuk menyimpan air bagi kegunaannya dan empat ahli keluarganya lain.

Menurutnya, dia sudah mempunyai dua tong sama di ru-

mahnya, namun tetap membeli tambahan bagi menyimpan lebih banyak bekalan.

"Saya harap agensi bertanggungjawab dapat selesaikan kerja penyelenggaran.

"Sudah banyak kali rumah saya tiada air sebab itu sama di tambah pencemaran air di Sungai Selangor beberapa kali, " katanya yang tinggal di Seksyen 18 di sini.

Kosmo sebelum ini melaporkan 998 kawasan di seluruh Lembah Klang mengalami gangguan bekalan disebabkan kerja penambahan dan penyelenggaran aset kritis yang dilakukan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. (Air Selangor) sehingga menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

Kawasan terlibat meliputi wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.



KERATAN AKHBAR  
12 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Asing Sampah, Menang Duit'
Muka Surat	:	9

# 'Asing Sampah, Menang Duit'

KDEBWM, Sinar Harian anjur Peraduan TikTok Challenge KDEBWM

Oleh ASYRAF MUHAMMAD  
Foto ROSLI TALIB

**B**udaya pengasingan sampah dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih berada pada tahap rendah berbanding kebanyakan negara maju lain yang memanfaatkan sisa buangan mereka bagi tujuan kitar semula.

Sebahagian besar rakyat negara ini masih mengambil mudah tentang budaya pengasingan sampah yang mampu membantu dalam memelihara alam sekitar di samping menjimatkan sumber sedia ada.

Tidak dinafikan, budaya ini sukar untuk diimplementasikan tanpa mendapat penglibatan daripada seluruh lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan amalan pengasingan sampah ini.

Atas sebab itu, KDEB Waste Management (KDEBWM) dan *Sinar Harian* bekerjasama menganjurkan Peraduan TikTok Challenge KDEBWM dengan mesej 'Asing Sampah, Menang Duit' bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan amalan pengasingan sampah.

Ketua Media dan Perhubungan Awam KDEBWM, Mahfuzah Muhammad Tarmidi berkata, sebagai operator pengurusan sampah yang beroperasi di Selangor sejak tahun 2016, aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat berkaitan pengasingan sampah sememangnya menjadi antara fokus dan matlamat utama mereka.

"Sebenarnya urusan sisa pepejal ini bukan tanggungjawab operator pengurusan sampah sahaja namun kami memerlukan kerjasama seluruh masyarakat."

"Disebabkan itu, KDEBWM tampil bersama *Sinar Harian* melalui peraduan ini bagi memberi pendedahan tentang amalan kitar semula menerusi budaya pengasingan sampah ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Platform TikTok menjadi pilihan bagi pengurusan peraduan kerana ia merupakan salah satu pendekatan yang diambil pihaknya bagi memberi kesedaran kepada masyarakat dengan menyelitkan elemen hiburan dan pendidikan dalam satu medium.

"Seperti semua tahu, aplikasi digital seperti TikTok ini sememangnya digemari oleh golongan muda pada masa kini dan sebab itulah ia menjadi pilihan kami bagi pengurusan peraduan ini."

"Kita mahu golongan muda ini turut



MAHFUZAH

terdedah dengan kepentingan budaya pengasingan sampah dan kitar semula yang merupakan satu agenda besar untuk dilaksanakan," katanya.

Peraduan TikTok Challenge KDEBWM terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia dan akan berlangsung selama sebuah bermula pada 15 Oktober hingga 15 November depan.

Peserta terlibat perlu menghasilkan video berdurasi satu minit tentang cara-cara pengurusan sampah yang betul mengikut penyampaian kreativiti masing-masing dan memuat naik di laman TikTok atau Instagram masing-masing.

"Peserta juga perlu tag laman rasmi KDEBWM dan *Sinar Harian* pada video yang dimuat naik itu bersama dengan hashtag #fyp #RecycleChallenge #SinarHarian #KDEBwaste.

"Kandungan video juga seharusnya berupaya mendidik masyarakat. Pemenang ditilai dari segi kriteria-kriteria itu oleh panel khas yang dipilih," katanya.

#### Hadiyah menarik

RM2,000 bakal diraih pemenang utama Peraduan TikTok Challenge KDEBWM: 'Asing Sampah, Menang Duit'. Manakala pemenang tempat kedua pula bakal membawa pulang wang tunai bernilai RM1,500 sementara 10 pemenang sugat hati akan menerusi wang tunai bernilai RM250.

Dengan tawaran berbaloi itu, diharap mampu menarik lebih banyak penyertaan daripada masyarakat khususnya golongan muda untuk sama-sama menyertai peraduan ini.

Menurut Mahfuzah, jalinan kerjasama dengan *Sinar Harian* terlaksana berikutan akhbar berkenaan sememangnya amat simonim dengan komuniti dan mempunyai pengaruh pembaca tersendiri.

Katanya, peluang itu sekali gus dapat digunakan KDEBWM bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat khususnya dalam aspek pengurusan sampah dan kitar semula.

Disebabkan itu, KDEBWM tampil bersama *Sinar Harian* melalui peraduan ini bagi memberi pendedahan tentang amalan kitar semula menerusi budaya pengasingan sampah ini."

samping berjaya mencapai matlamat yang dikehendaki.

Tambahnya, menerusi peraduan berkenaan, KDEBWM juga cuba menonjolkan kepada penduduk di negara ini bahawa kadar budaya pengasingan sampah dalam kalangan masyarakat masih amat rendah dan jauh ketinggalan.

"Sekarang kita cuba untuk menerapkan agenda besar ini agar ia menjadi satu budaya dan dedahkan kepada masyarakat bermula di peringkat anak-anak kecil lagi.

"Saya harap mereka di luar sana dapat menggunakan peluang untuk menyertai peraduan ini sebagai salah satu inisiatif dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat umum," katanya.

**JOM Asing Sampah Menang Duit!!!**

**Rakam & Kongsi Video Pengasingan Sampah Anda Secara Kreatif #AsingSampahMenangDuit**

**Wang Tunai Bernilai **RM6,000.00****  
Serta Barang Eksklusif KDEB WASTE MANAGEMENT Untuk Dimenangi!!

**Pameran Semangat Cintakan Alam Sekitar Hantarkan Video TikTok Pengasingan Sampah Anda Sekarang!! #KDEBWaste #fyp #AsingSampahMenangDuit #SinarHarian**

**Hadiah Pertama **RM2,000.00****  
+ Barang Eksklusif KDEB WASTE MANAGEMENT

**Hadiah Kedua **RM1,500.00****  
+ Barang Eksklusif KDEB WASTE MANAGEMENT

**10 X Saguhati **RM250.00****  
+ Barang Eksklusif KDEB WASTE MANAGEMENT

**RAKAM TIKTOK & KONGSI VIDEO PERADUAN**

**CARA-CARA MENYERTAI:**

1. Rakam video TikTok pengasingan sampah anda secara kreatif dengan bertemakan Semangat Cintakan Alam Sekitar KDEB WASTE MANAGEMENT
2. Rakam video TikTok anda mestilah berdurasi tidak lebih daripada 1 minit.
3. Muat naik video TikTok anda di platform Tik Tok dan masukkan tanda pagar #fyp #AsingSampahMenangDuit #SinarHarian
4. Pastikan tetapan privasi umer pada profil TikTok anda agar siapa pun dapat mengakses video rakaman anda.
5. Tugaskan video TikTok anda di [Instagram](#) dan [Facebook](#) KDEB WASTE MANAGEMENT

\*Pemilihan pemenang adalah terbukti tematik termasuk syarat.



## KERATAN AKHBAR

12 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ceroboh hutan untuk bertani, menternak, bina rumah
Muka Surat	:	12

**EKSKLUSIF**

### Ceroboh hutan simpan kekal macam tanah sendiri

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
**SHAH ALAM**

B erbeza dengan hutan di negeri lain yang diteroka secara berterusan, tujuan pembalakan, Hutan Simpan Kekal (HSK) di Selangor diambil alih dan tanggungjawab untuk tiga tahun berturut, menternak dan mendirikan rumah.

Demikian, penedahan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, perbutuan terhadap operasi pembalakan tempatan sendiri yang sesuka hati menebang pokok bagi membangun rumah, bertani dan menternak.

Pencerobohan Hutan Simpan Kekal di Selangor sejak puluhan tahun lalu terbongkar susulan pembinaan struktur rumah dan tempat usaha tanaman selain kandang ternakan di kawasan yang digempur Jabatan Perhutanan Negeri (JPNS).

Lebih malasnya, kata Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, perbutuan terhadap operasi pembalakan tempatan sendiri yang sesuka hati menebang pokok bagi membangun rumah, bertani dan menternak.

12 & 13

**B**erbeza dengan hutan di negeri lain yang diteroka secara berterusan, tujuan pembalakan, Hutan Simpan Kekal (HSK) di Selangor diambil alih dan tanggungjawab untuk tiga tahun berturut, menternak dan mendirikan rumah.

Malah, lebih mengakat-kata setiap didanggu rakyat tempatan sendiri yang sesuka hati menebang pokok demi membuat rumah, bertani dan mendirikan rumah.

Jelas beliau, kegiatan itu berlaku sejak puluhan tahun lalu dan ia terbukti dengan penemuan struktur rumah dan tempat usaha, tamanan selain kandang ternakan yang sering diciptor di kawasan yang digempur JPNS.

Ahmad Fadzil berkata, terdapat operasi pembalakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta Hutan Simpan Buli Lagung antara lokasi punas yang sering diciptor.

“Di Selangor, kesusahan HSK diambil alih kira-kira 253,000 hektar yang digoparkan di bawah

permohonan operasi pembalakan.

“Selain itu, tambah beliau, beberapa HSK sejauh ini masih penceroboh kerana mempunyai tanah subuh.”

“Kes di Selangor ini, hamipir 70 hingga 80 peratus adalah kawasan tanah gambut dan subuh untuk bertani.”

“Itu yang menjadikan tumpuan masyarakat untuk buat pertanian. Seperti yang saya beritahu, iadi, Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Kuala Langat Selatan adalah kawasan tanah gambut.

Jadi penceroboh dari semasa ke

semasa sering dilakukan masyarakat untuk buat pertanian.

“Saya merasakan bahawa berdasarkan rekod-rekod timbalan yang diberikan oleh ahli penduduk, setiap tahunnya hanya jentera yang digunakan untuk mencari tanah untuk bertani di kawasan simpan telah dirampas antaranya jentera pengorek, traktor, jenama dan sebagainya,” katanya kepada

petugas.

**Sasar kawasan tanah subuh**

Ahmad Fadzil berkata, sejak puluhan tahun lalu, masyarakat datang ke sini untuk mencari tanah yang boleh diketuai dengan penduduk.

“Selain itu, tambah beliau, beberapa HSK sejauh ini masih penceroboh kerana mempunyai tanah subuh.”

“Kes di Selangor ini, hamipir 70 hingga 80 peratus adalah kawasan tanah gambut dan subuh untuk bertani.”

“Itu yang menjadikan tumpuan

masyarakat untuk buat pertanian.

Seperti yang saya beritahu, iadi,

Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Kuala Langat Selatan

adalah kawasan tanah gambut.

Jadi penceroboh dari semasa ke

semasa sering dilakukan masyarakat untuk buat pertanian.

“Saya merasakan bahawa

berdasarkan rekod-rekod timbalan yang diberikan oleh ahli penduduk, setiap tahunnya hanya jentera yang digunakan untuk mencari tanah untuk bertani di kawasan simpan telah dirampas antaranya jentera pengorek,

traktor, jenama dan sebagainya,” katanya kepada

petugas.

**Menuntut pembalakan**

Menurut Ahmad Fadzil lagi, sejak permulaan tahun ini, kerajaan akan membuat ganti rugi daripada individu terhabel berdasarkan setiap peralihan tanah.

“Biasanya dengan penerokaan

yang dilakukan, akan berlakunya

pembalakan kecuali bagi tanah milik

dan harta milik negara.

“Ketika kita lihat tumpang pokok ada, kita akan ukur

dan kira ganti rugi. Contohnya

menurut setiap hektar 12,000

dan dari segi ganti rugi di bawah

akta kita, boleh kenakan se-

ambil, setiap tanah jentera

jentera yang digunakan untuk

mencari tanah untuk bertani di

kawasan simpan kekal.

“Oleh itu, kita akan memberi

permohonan untuk pembalakan

kecuali bagi tanah milik

dan orang awam dalam usaha

perniagaan pokok.

“Mengalihkan pernyataan

agensi pelajaran persekitaran

dan badan korporat, budi bahan

dan pendidikan/penyelidikan

dan orang awam dalam usaha

perniagaan pokok.

## Ceroboh hutan untuk bertani, menternak, bina rumah

**EKSKLUSIF**



JPNS menganjurkan operasi pembalakan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagung.

FOTO: HALIM WANDI

**LAPORAN KHAS**

**OPERASI MUKA DEPAN**

JPNS melaksanakan operasi bersendirian Ops Langit pada Julai lalu di kawasan hutan simpan kekal yang dicabar untuk ejualan kepada kelompok.

FOTO: HALIM WANDI



Seluruh rumah yang dijinakkan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagung, dirobohkan menurut Operasi Bersendirian Ops Langit pada 28 September lalu.

**KEMERIAHAN PENANAMAN 100-JUTA POKOK**  
